

POLITIK PEMBANGUNAN DI TERENGGANU: DINILAI DAN DITAFSIR SEMULA

POLITICS OF DEVELOPMENT IN TERENGGANU: A REVIEW

Ilyas Bin Abdullah

Fakulti Sains Pentadbiran Dan Pengajian Polisi, UiTM Cawangan Pahang, Kampus Raub, Malaysia

Email: ilyasabdullah@uitm.edu.my

Article history

Received date : 2-12-2025

Revised date : 3-12-2025

Accepted date : 24-12-2025

Published date : 17-1-2026

To cite this document:

Abdullah, I. (2026). Politik pembangunan di Terengganu: Dinilai dan ditafsir semula. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (80), 291 – 310.

Abstrak: Politik Terengganu sebelum PRU ke-10 (PRU tahun 1959-1995) menyaksikan sokongan pengundi terhadap UMNO begitu kukuh dan dominan. Walau bagaimanapun, keputusan pasca PRU ke-10 (PRU tahun 1999-2023) menunjukkan UMNO dan PAS mempunyai peluang yang seimbang untuk membentuk kerajaan di Terengganu. Hasil kajian mendapati bahawa pembangunan merupakan faktor utama yang mempengaruhi pembentukan budaya politik di Terengganu sebelum dan selepas PRU ke-10. Namun begitu, pasca PRU ke-10, pembangunan tidak lagi ditafsirkan sekadar mengecapi nikmat keselesaan semata-mata, malahan mesti turut disepadukan dengan prinsip keadilan.

Kata kunci: Politik, Pembangunan, PRU

Abstract: The political culture of the Malays in Terengganu prior to the 10th General Election was very much in support of UMNO. The results of the 10th GE showed that UMNO and PAS have an equal opportunity to form the state government in Terengganu. The findings show that development is the main factor that influenced the political culture in Terengganu in the pre- and post 10th GE. However, in post 10th GE, development is no longer construed as merely for convenience of comfort, but to be integrated with the principles of justice as well.

Keywords: Politics, Development, Election

Pendahuluan

Politik pembangunan merupakan kaedah paling berkesan bagi pemerintah meraih sokongan dalam mempertahankan kuasa khususnya di kawasan yang masih bergantung kepada kerajaan dalam hal ehwal pembangunan. Kebanyakan kawasan luar bandar mempunyai jurang pembangunan yang begitu ketara jika dibandingkan dengan kawasan bandar. Politik pembangunan yang melibatkan janji-janji berupa pembangunan infrastruktur begitu berkesan di kawasan atau negeri yang mundur dan sering menjadi penentu kemenangan sesebuah parti dalam pilihan raya. Mentaliti masyarakat di luar bandar yang masih memerlukan bantuan serta dijalin kemas dengan sentimen ketuanan Melayu menjadikan politik pembangunan begitu subur. Menerusi manifesto politik, apa sahaja elemen yang berkaitan dengan pembangunan untuk meningkatkan taraf hidup dan ekonomi masyarakat diulang siar sebegitu kerap melalui media arus perdana. Pendekatan politik pembangunan secara ironinya akan menanamkan sikap positif rakyat terhadap dasar kerajaan (Mazli & Jamaie, 2018). Terengganu yang mempunyai 95 peratus penduduk berbangsa Melayu tergolong sebagai sebuah negeri yang masih terpinggir dalam arus pembangunan. Pendekatan politik pembangunan cukup ampuh mewarnai landskap politik Terengganu sejak awal merdeka sehingga kini. Walau bagaimanapun praktik politik pembangunan pasca merdeka tidak lagi sama dengan praktik politik pembangunan pasca PRU ke-10. Hal tersebut menjadi topik perbincangan yang melatari kajian ini.

Pernyataan Masalah

Terengganu merupakan sebuah negeri yang digelar sebagai *Malay Belt State* yang mana 95 peratus daripada penduduknya adalah Melayu. Oleh sebab itu, budaya politik masyarakat Terengganu lebih berkisarkan kepada isu Melayu, Islam dan pembangunan. Kadar kemiskinan yang tinggi menjadikan isu pembangunan sering menjadi senjata utama kempen pilihanraya. Pemerintahan UMNO di Terengganu yang panjang bermula pada tahun 1961 sehingga tahun 2013 (tahun 1999 Terengganu dikuasai PAS) telah membentuk kepercayaan di kalangan masyarakat bahawa hanya UMNO sahaja parti politik yang mampu membawa pembangunan di Terengganu. Namun sebagai masyarakat yang sentiasa terdedah kepada perubahan, budaya politik masyarakat Terengganu yang konservatif juga juga mampu menjadi dinamis dan bersedia untuk menerima perubahan. Personaliti individualistik-kolektif di kalangan masyarakat Terengganu dilihat semakin berkembang dan membentuk satu pemikiran baharu yang bersifat *self-determining*. Masyarakat Terengganu pasca PRU ke-10 tidak lagi merasa ragu-ragu untuk berubah termasuk juga perihai orientasi politiknya. Masyarakat Terengganu juga bersedia menukar kerajaan yang memerintah sekiranya melihat kerajaan tidak berupaya dalam memperjuangkan hak rakyat. Hal ini kerana, kesejahteraan hidup bukan hanya berkisar kepada mengecapi nikmat pembangunan semata-mata tetapi kerajaan juga perlu menekankan aspek keadilan sosial. Namun begitu, penolakan masyarakat Terengganu terhadap BN bukanlah bermaksud masyarakat negeri tersebut menolak pembangunan, tetapi pembangunan yang dibawa haruslah seiring dengan prinsip keadilan.

Skop Kajian

Dari sudut skop struktural yang menyentuh kepada transformasi budaya politik menunjukkan bahawa masyarakat Terengganu tidak lagi terikat dengan tradisi politik lama berkisarkan kepada janji-janji pembangunan. Malahan masyarakat Terengganu kini lebih rasional dalam membuat penentuan politik. Selain itu, skop temporal pula melibatkan pilihanraya pra dan pasca PRU ke-10. Kewajaran pemilihan jangka masa ini kerana tempoh tersebut telah memperlihatkan berlakunya perubahan dalam landskap politik negeri Terengganu. Masyarakat Terengganu pra PRU ke-10 menunjukkan sokongan yang begitu kuat terhadap UMNO, manakala pasca PRU ke-10 pula menunjukkan persaingan politik dilihat lebih terbuka dan

seimbang. Sementara skop regional pula melibatkan kajian di Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu. Pemilihan DUN Terengganu amat bertepatan bersandarkan kepada transformasi politik yang berlaku di Terengganu pra dan pasca PRU ke-10.

Metod Kajian


Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kajian perpustakaan merupakan kaedah utama yang digunakan dalam kajian ini. Maklumat kajian ini diperolehi melalui buku, jurnal, dokumen dan juga rekod-rekod rasmi tertentu yang berkaitan dengan kajian. Teknik ini merupakan kaedah paling popular bagi penyelidikan yang menggunakan maklumat dan kutipan premis lama seperti kajian mengenai budaya politik, pilihan raya, perubahan persepsi yang semestinya memerlukan suatu perolehan maklumat yang bersifat menyeluruh. Justeru, kajian perpustakaan dalam kajian ini digunakan secara intensif.

Kepentingan Kajian

Kebanyakan kajian berkaitan politik Terengganu banyak berkisarkan kepada persaingan ideologi di antara BN dan PAS dan tidak memfokuskan kepada elemen politik pembangunan secara khusus. Selain itu, kajian tentang politik Terengganu juga banyak dikupas dan dibincangkan secara terpisah-pisah berdasarkan tahun, era pentadbiran dan juga kawasan-kawasan pilihanraya tertentu. Oleh hal yang demikian, kajian tersebut tidak mampu digeneralisasikan secara keseluruhan bagi melihat transformasi politik yang berlaku di Terengganu. Kajian ini mengupas politik pembangunan melibatkan pra dan pasca PRU ke-10. Penelitian terhadap kronologi dan sejarah politik Terengganu sejak tahun 1959 hingga tahun 2023 adalah signifikan bagi kajian yang melibatkan transformasi politik. Hal ini kerana transformasi politik banyak berkait dengan nilai, kepercayaan, emosi, tradisi dan sejarah yang mampu mempengaruhi orientasi politik sesuatu masyarakat. Perbandingan tersebut mampu memberikan gambaran yang jelas berkaitan transformasi politik yang berlaku di Terengganu. Kajian ini turut menjelaskan bahawa, politik pembangunan tidak lagi menjadi faktor tunggal dalam memberikan sokongan kepada kerajaan malahan kerajaan juga perlu patuh dengan syarat-syarat yang diberikan oleh rakyat dalam merangka pembangunan negeri.

Konsep Politik Pembangunan

Politik pembangunan merupakan janji-janji pembangunan yang lakukan oleh parti politik sebagai tarikan untuk mencapai kemenangan dalam pilihanraya. Politik pembangunan merupakan senjata paling berkesan dalam mempertahankan kuasa terutamanya di kawasan-kawasan yang masih bergantung kepada kerajaan berkaitan hal ehwal pembangunan. Pendekatan ini dilakukan secara meluas di kebanyakan kawasan luar bandar yang mempunyai jurang pembangunan yang begitu ketara dengan tahap pembangunan di kawasan bandar. Dari satu aspek, politik pembangunan berupaya membawa negara mencapai pengembangan ekonomi dengan penyediaan prasarana asas dan perkhidmatan sosial kepada rakyat. Walaubagaimanapun, politik pembangunan juga boleh dilihat sebagai menjejaskan demokrasi berikutan amalan meraih sokongan undi secara tidak adil. Parti yang mempunyai pelbagai sumber dan kekuatan jentera dilihat lebih berupaya menawarkan pembangunan di sesuatu kawasan pilihanraya berbanding parti politik yang mempunyai sumber yang terhad (Mazli & Jamaie, 2018). Sentimen politik pembangunan turut dipengaruhi oleh kedudukan geografi kawasan yang kekurangan kemudahan infrastruktur asas serta latar belakang sosioekonomi masyarakat yang dibelenggu oleh kemiskinan. Mentaliti masyarakat terpinggir yang masih memerlukan bantuan dari kerajaan akan menyuburkan lagi sokongan rakyat terhadap kerajaan.



Kerangka Konseptual (Dipetik dan diubahsuai daripada kajian Abdul Latif Ibrahim (2004))

Politik Pembangunan Pra PRU Ke-10: Pengukuhan Hagemoni UMNO

Sesuatu di luar jangkaan berlaku di Terengganu apabila rakyat negeri tersebut memilih PAS sebagai kerajaan dalam PRU yang pertama yang diadakan pada tahun 1959. Kekalahan Parti Perikatan yang sebelumnya begitu unggul di Terengganu merupakan manifestasi rakyat yang diterjemah melalui sistem demokrasi (Wan Hashim, 2016). PRU tahun 1959 di Terengganu sedikit berbeza dengan Pilihan Raya Negeri (PRN) yang diadakan pada tahun 1954 dan Pilihan Raya Persekutuan pada tahun 1955 yang hanya mempertemukan UMNO, Parti Negara dan Parti Bebas sahaja. PRU tahun 1959 memperlihatkan penyertaan PAS buat kali pertama dalam PRU di Terengganu. Peningkatan pengaruh PAS yang begitu mendadak khususnya di negeri-negeri di Pantai Timur memberikan keyakinan kepada PAS untuk menguasai Terengganu. Selain UMNO, PAS dan Parti Negara, parti lain yang kurang dominan seperti Barisan Sosialis dan Bebas turut bertanding dalam PRU tahun 1959 (Hamdan, 2015).

Keputusan PRU tahun 1959 menyaksikan PAS telah berjaya memenangi 13 daripada 24 kerusi DUN yang dipertandingkan di Terengganu. Kemenangan PAS dalam PRU tahun 1959 disebabkan oleh faktor ketaksuban masyarakat Melayu Terengganu terhadap agama. PAS banyak menggerakkan kempenya dengan menjadikan tokoh-tokoh agama tempatan untuk menarik sokongan pengundi berbanding UMNO yang banyak bergantung kepada pemimpin dari luar Terengganu. Kegagalan UMNO di Terengganu juga adalah disebabkan oleh parti tersebut tidak memasuki kampung-kampung untuk menjelaskan pencapaian ekonomi yang telah dilakukan di Terengganu (Alias, 1984). Kemenangan PAS dalam PRU tahun 1959 juga banyak dibantu oleh peranan ulama, guru-guru sekolah pondok serta guru-guru Melayu. Masyarakat Melayu Terengganu sangat mudah dipengaruhi oleh kempen-kempen PAS. Mereka sentiasa mendekati masyarakat luar bandar dan kedudukan mereka dalam masyarakat sangat tinggi. Masyarakat Melayu luar bandar merupakan pengikut yang setia kepada golongan tersebut. Selain itu guru-guru Melayu turut memberikan kerjasama kepada PAS kerana kecewa dengan sikap kerajaan Perikatan yang dianggap mengabaikan perlaksanaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Selain isu agama, PAS dalam kempenya juga telah menyenaraikan

kelemahan-kelemahan kerajaan Perikatan Terengganu (1954-1959). Kerajaan Perikatan telah disifatkan oleh PAS sebagai gagal membawa perubahan besar di Terengganu. Kelemahan tersebut dibuktikan apabila daripada 191 buah sekolah, 117 daripadanya masih bersifat bangsal manakala jalan rayanya pula adalah yang terburuk dalam Persekutuan Tanah Melayu. Sementara itu kehidupan petani dan nelayan pula tidak banyak berubah. Perikatan gagal mematikan sama sekali kempen-kempen yang dijalankan oleh PAS menyebabkan Perikatan kalah dalam PRU 1959. (Mohd Dzaki Jusoh, 1976).

Selain itu, PAS juga banyak membangkitkan isu Perlembagaan 1956, kedudukan Bahasa Melayu dan agama Islam. Antara lainnya, PAS mendesak agar perlembagaan tahun 1956 diteliti kembali bagi menjamin kedaulatan dan hak orang Melayu sebagai pribumi. Kerajaan Perikatan juga didesak agar menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah kebangsaan serta soal menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi sepenuhnya di Persekutuan Tanah Melayu. Strategi yang digunakan oleh PAS dalam pilihan raya tahun 1959 sangat berkesan bagi negeri Terengganu. Kejayaan PAS di Terengganu juga adalah kerana perjuangan politik Islamnya diterima oleh masyarakat Melayu Terengganu yang begitu memandang tinggi kepada guru-guru agama yang menjadi calon pilihan raya. Semangat keMelayuan di kalangan masyarakat Melayu yang begitu kuat menjadi penyumbang kepada kemenangan PAS di Terengganu (Ismail Said, 1969).

PRU Tahun 1964

Kemelut politik dalaman yang melanda kerajaan PAS Terengganu pada tahun 1961 telah memberikan laluan mudah kepada UMNO untuk mengambilalih tampuk pemerintahan Terengganu pada tahun 1961. Sepanjang tempoh penguasaan PAS di Terengganu, parti tersebut hanya berjaya menyiapkan beberapa jalanraya dengan jarak yang begitu pendek. Meskipun kekurangan pengalaman dalam pentadbiran kerajaan negeri, namun keazaman Kerajaan PAS Terengganu untuk membawa agenda pembangunan tetap ada. Proses pembangunan di Terengganu agak perlahan dan sukar untuk dilaksanakan berikutan peruntukan kewangan daripada kerajaan pusat untuk membangunkan ekonomi negeri sukar diperolehi. Sebaliknya kawasan yang dimenangi oleh calon Perikatan diberikan bantuan kewangan yang mencukupi untuk tujuan pembangunan seperti di Kemaman dan Besut (Ness, 1969).

UMNO lebih banyak memberikan tumpuan kepada pembinaan kemudahan awam di setiap kampung dan mukim. Projek pembangunan yang dilancarkan adalah bagi menawan hati pengundi Terengganu dalam pilihan raya. PRU tahun 1964 di Terengganu berlangsung dalam suasana pengundi berada dalam keadaan yang cukup selesa di bawah kepimpinan UMNO yang diterajui oleh Ibrahim Fikri. Sambutan pengundi terhadap program yang dihadiri oleh Menteri Besar cukup meriah. Namun begitu, UMNO masih tetap menghadapi persaingan daripada musuh tradisi iaitu PAS yang masih berpengaruh di daerah Besut dan Setiu. Isu berkaitan pembangunan sosioekonomi digunakan oleh UMNO untuk menarik sokongan pengundi khususnya di luar bandar. Tema pembangunan untuk rakyat dengan bantuan jentera daripada Kerajaan Pesekutuan menarik minat rakyat untuk memberikan sokongan kepada UMNO berbanding PAS yang dilihat hanya bersifat retorik serta tidak melakukan banyak jasa kepada rakyat Terengganu (Hamdan, 2015).

Kesungguhan dan keprihatinan kerajaan Terengganu dalam membawa pelbagai projek pembangunan infrastruktur asas kepada penduduk sangat tesarlah pada tahun 1963 sehingga menjelang pilihan raya tahun 1964. Pada tahun 1962 sahaja peruntukan sebanyak RM 2.5 juta telah diberikan bagi membangunkan pembinaan sekolah baru. Selain itu tumpuan juga turut

diberikan oleh kerajaan Terengganu untuk membangunkan pelbagai kemudahan awam di setiap kampung dan mukim seperti balai raya, masjid, surau, klinik, perigi dan sebagainya. Sebahagian besar peruntukan untuk tujuan pembangunan pada tahun 1962 adalah diterima daripada kerajaan pusat (Azmah, 2013). Tindakan Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan yang besar adalah bagi memastikan rakyat Terengganu sedar akan kesungguhan Kerajaan Perikatan dalam mengubah taraf hidup dan kebajikan rakyat Terengganu. Rekod cemerlang kerajaan membangunkan ekonomi negeri Terengganu mendapat sokongan yang begitu baik daripada pengundi.

PRU Tahun 1969

Dalam PRU tahun 1969, tindakan beberapa buah parti politik yang berkempen secara terlalu agresif menjadikan pilihan raya pada tahun 1969 berlangsung dalam suasana yang agak tegang. Parti Tindakan Rakyat (DAP) yang memperjuangkan sentimen hak sama rata menimbulkan kekecewaan dalam kalangan orang Melayu. Keadaan tersebut menyebabkan rakyat berbelah bahagi terhadap keupayaan Tunku Abdul Rahman dalam memimpin negara. Kepimpinan UMNO di peringkat pusat menghadapi tekanan daripada pengundi Melayu-Islam. UMNO juga menghadapi tekanan daripada PAS yang mendakwa Tunku Abdul Rahman tidak berpegang kepada prinsip Islam apabila mengekalkan perlembagaan yang digubal pada tahun 1956. Keputusan pilihan raya tahun 1969 menyaksikan parti pembangkang mendapat pertambahan kerusi parlimen yang begitu mendadak. Parti Perikatan pula sekadar berjaya memperolehi 74 daripada 144 kerusi parlimen yang dipertandingkan berbanding 89 kerusi parlimen pada pilihan raya tahun 1964 (Abdul Rashid Moten, 2008) manakala selebihnya dimenangi oleh parti oposisi. Parti oposisi terdiri daripada PAS telah memenangi 12 kerusi parlimen manakala DAP pula berjaya mencapai kemenangan dengan menguasai 13 kerusi parlimen diikuti Parti Gerakan sebanyak 8 kerusi serta Parti Progresif Penduduk yang turut berjaya memenangi 4 kerusi parlimen (Mohd Hasbie Muda, 2014).

Selain itu, kegagalan UMNO untuk mempertahankan unsur yang menjadi teras utama budaya politik Melayu khususnya soal menjadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi tunggal negara pada tahun 1967 menjadikan sokongan masyarakat Melayu khususnya di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis mula beralih kepada PAS. UMNO cuba menjadikan Bahasa Inggeris selain Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Tindakan UMNO ini bertujuan untuk membuka ruang supaya politik Melayu tidak dilihat oleh kaum bukan Melayu sebagai tidak demokrasi. Bagaimanapun, niat tersebut belum dapat diterima sepenuhnya oleh majoriti orang Melayu yang melihat tindakan tersebut sebagai merugikan ketuanan Melayu (Zainal, 1971). Pendekatan Tunku Abdul Rahman yang sedia berkompromi dengan elit politik bukan Melayu dalam Perikatan gagal menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tunggal negara melalui Akta Bahasa Kebangsaan pada Mac 1967. Tunku gagal melihat pertalian antara isu bahasa dengan kepentingan ekonomi Melayu (Means, 1967). Situasi tersebut telah memberikan tempas kepada UMNO apabila gagal meneruskan momentum cemerlangnya sepertimana yang dicapai dalam pilihan raya tahun 1964 di Terengganu. UMNO hanya berjaya memperolehi 13 kerusi DUN dan terpaksa melepaskan lapan kerusi DUN kepada parti PAS selain sekadar memenangi 4 daripada 6 kerusi parlimen yang dipertandingkan (Hamdan, 2015). Bagaimanapun berdasarkan situasi politik pada ketika itu yang dilihat menggugat politik Melayu-Islam, suatu perjanjian di antara kerajaan Perikatan khususnya UMNO dengan parti PAS telah dimerterai demi kepentingan bangsa dan agama. Perjanjian ini membawa kepada perkongsian kuasa pemerintahan di antara UMNO dan PAS.

PRU Tahun 1974

PRU tahun 1974 menyaksikan PAS menjadi rakan dalam Kerajaan Campuran dan membentuk Barisan Nasional. Tahun 1974 merupakan tahun kesepaduan antara UMNO dan PAS. Percantuman dua parti utama berasaskan Melayu tersebut melegakan UMNO yang selama ini terpaksa berhadapan dengan tentangan daripada PAS dalam merancang dan menjalankan projek pembangunan di Terengganu. Persaingan politik di Terengganu dalam PRU tahun 1974 menyaksikan penyertaan Parti Sosialis (PSRM). Sambutan luar biasa masyarakat Melayu Terengganu terhadap siri rapat umum anjuran PSRM memberi kejutan kepada UMNO. Hal ini kerana UMNO pernah berhadapan dengan situasi yang tidak terduga iaitu kemunculan Parti Negara dan kehadiran PAS secara mendadak yang telah menatijahkan kekalahan kepada UMNO dalam PRU tahun 1959. Dalam PRU tahun 1974, PAS merupakan sebahagian daripada parti komponen yang membentuk BN. Tahun tersebut merupakan tahun kesepaduan parti politik Melayu. Penggabungan di antara UMNO dan PAS dalam PRU menyaksikan peranan pembangkang di Terengganu diambilalih oleh PSRM. Keputusan PRU tahun 1974 menyaksikan BN berjaya memenangi 27 kerusi DUN dan tujuh kerusi Parlimen dengan peratusan undi sebanyak 71.3 berbanding PSRM yang berjaya memperolehi 29.7 peratus undi. Undian yang diperolehi PSRM pada kebanyakan kerusi yang dipertandingkan jauh lebih besar daripada yang dijangka (Wan Mokhtar, 2008). Penyertaan PAS ke dalam BN telah mewujudkan satu budaya politik yang tenang di Terengganu ditambah dengan janji-janji untuk membawa kemajuan yang pesat ke Terengganu.

PRU Tahun 1978

Dalam PRU tahun 1978, PAS kembali berkonflik dengan UMNO sehingga berlakunya penyingkiran PAS daripada BN. Pemerintahan Tun Hussein Onn dikatakan tidak begitu mesra terhadap PAS. Sebahagian besar ahli PAS juga tidak berpuas hati dengan BN yang didakwa menghalang PAS daripada meluaskan agenda Islamnya. Selain itu, PAS turut dikatakan telah menyalahgunakan kuasa dan jawatan yang diperuntukkan dalam kerajaan untuk berkempen dan mempopularkan PAS dengan menarik kakitangan kerajaan untuk menjadi ahlinya. PAS turut giat menubuhkan cawangan parti tersebut. Tindakan PAS meluaskan pengaruh di kawasan Tanah Rancangan FELDA yang didominasi oleh UMNO menjadi faktor yang menyebabkan hubungan kedua-dua parti tersebut menjadi renggang. Akibatnya PAS disingkirkan dari BN. Majlis Tertinggi Barisan Nasional mengambil keputusan menyingkirkan PAS daripada BN dalam satu persidangan pada 13 Disember 1977. Penyingkiran PAS daripada BN menjadikan persaingan politik di antara UMNO dan PAS kembali tegang (Russli Kamarudin, 1995). Menjelang pilihan raya tahun 1978, UMNO Terengganu tidak menghadapi masalah berhadapan dengan isu yang diketengahkan oleh PAS. Hasilnya UMNO berjaya memenangi 28 kerusi DUN dan tujuh kerusi Parlimen dengan mendapat 55.8 peratus undi berbanding PAS mendapat 38 peratus undi. PSRM pula sekadar meraih 3.6 peratus undi yang jauh merosot berbanding keputusan PRU tahun 1974 (Wan Mokhtar, 2008).

Pembangunan beberapa projek infrastruktur seperti projek Empangan Kenyir ternyata berjaya menarik sokongan masyarakat Melayu Terengganu sekalipun rakyat sedar ratusan ribu ekar tanah yang mempunyai balak terpaksa dikorbankan demi kepentingan umum. Selain itu, penemuan hasil minyak dalam kawasan perairan Terengganu memberikan harapan baru kepada rakyat untuk terus kekal di bawah penguasaan BN. Perjanjian di antara kerajaan Terengganu dengan Petronas telah diadakan pada 22 Mac 1975 berdasarkan Akta Pembangunan Petroleum yang sekaligus memberikan kelebihan kepada Terengganu untuk mendapat 5 peratus royalti setahun. Pada tahun 1978, Terengganu buat pertama kali menerima royalti petroleum yang berjumlah RM 29 juta serta meningkat kepada RM 50 juta pada tahun berikutnya. Pada tahun

1980 Terengganu menerima RM 83 juta berdasarkan 5 peratus hasil royalti (Haziana Yaacob, 2000). Selain mendapat faedah royalti minyak, kerajaan Terengganu turut menubuhkan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) serta berjaya menarik sokongan penduduk luar bandar kepada BN. Kemajuan pembangunan fizikal seperti Kompleks Kayu Kayan di Dungun, pembinaan jalan raya daripada Jerangau ke Jabor berjaya memacu ekonomi penduduk tempatan. Kecemerlangan UMNO dalam PRU tahun 1978 terserlah apabila memenangi kesemua kerusi DUN di Terengganu. Tahun 1978 merupakan tahun yang paling malang dalam episod PRU bagi PSRM dan juga PAS.

PRU Tahun 1982

Berbeza dengan PRU tahun 1970-an, PRU tahun 1980an menyaksikan Terengganu kembali menjadi gelanggang persaingan paling sengit di antara UMNO dan PAS. Nilai beragama di kalangan masyarakat Melayu turut diambil PAS untuk kembali menjadikan Terengganu sebagai salah sebuah kubu kuat di Pantai Timur selain Kelantan. Persaingan ini bertambah tegang dengan kemunculan Abdul Hadi Awang dalam barisan kepimpinan PAS dan beberapa tokoh muda seperti Mustafa Ali, Wan Mutalib Embong, Kassim Ahmad dan Harun Jusuh. Hal ini menjadikan persaingan antara UMNO dan PAS bertambah sengit (Mohamad Abu Bakar, 2013). Selain itu, penemuan petroleum pada tahun 1974 menjadikan persaingan politik di antara UMNO dan PAS semakin signifikan. Jika sebelum ini landskap politik Terengganu lebih berkisar kepada nilai agama dan keMelayuan, namun penemuan petroleum telah menjadi satu faktor terpenting untuk menguasai politik Terengganu. UMNO dan PAS bersaing untuk mendapatkan penguasaan ke atas pentadbiran Terengganu. PAS berhasrat untuk menubuhkan pemerintahan Islam di Terengganu dengan menjadikan hasil petroleum sebagai sumber kewangan utama. Hal ini menjadikan kerajaan pusat bimbang dengan usaha PAS yang dilihat mempunyai prospek untuk kembali berkuasa di Terengganu sepertimana dalam PRU tahun 1959. PAS turut memainkan sentimen bahawa hasil daripada petroleum sedikit sahaja memberikan kemakmuran kepada penduduk setempat selain mempersoalkan perbelanjaan kerajaan berkaitan pembangunan Kerteh yang dijadikan bandar untuk didiami oleh ekspatriat dan kakitangan petronas yang bekerja dalam industri minyak di Kemaman. Sensitiviti rakyat juga dimainkan dengan isu kadar kemiskinan di negeri Terengganu yang masih wujud (Mohamad Abu Bakar, 2013).

PRU Tahun 1986

Kehangatan politik di Terengganu berterusan dalam PRU tahun 1986. Walaupun ledakan budaya tarbiah rancak berkembang, namun sifat dan pemikiran masyarakat Melayu khususnya di pedalaman yang masih kurang dimeriahkan dengan majlis keilmuan menjadikan isu perpaduan ummah lebih mendapat perhatian sekaligus meminggirkan pengaruh PAS di kawasan pedalaman. Isu perpecahan ummah sering dikaitkan dengan PAS seperti pengasingan tanah perkuburan, masjid dan gejala takfir. Tindakan pemimpin PAS secara terbuka melebelkan penyokong dan pemimpin UMNO sebagai kafir selain memberikan fatwa bahawa perkahwinan di antara pengikut PAS dengan penyokong UMNO sebagai tidak sah juga sering dijadikan modal politik untuk menyerang PAS. Ekoran itu hubungan di antara penyokong PAS dengan penyokong UMNO menjadi tidak harmoni secara berterusan (Alias, 1984).

Kes takfir di Besut menyaksikan perpecahan orang-orang Melayu begitu kritikal dengan berlakunya solat dua imam, pengasingan tempat solat dan pemulauan majlis kenduri. Isu takfir di Besut pada asalnya merupakan isu tempatan sahaja tetapi menjadi isu nasional kerana diperbesar-besarkan oleh media. Laporan media yang memberikan gambaran yang tidak seimbang dalam memberikan laporan mengenai isu tersebut menghangatkan lagi kemarahan

penyokong PAS. Faktor utama teretusnya isu tersebut ialah kerana pertembungan PAS dengan UMNO yang berbeza dari segi dasar dan ideologi perjuangannya. Selain daripada faktor perbezaan dasar dan perjuangan, layanan yang tidak adil daripada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) kepada penyokong PAS terutamanya berkaitan dengan pemberian subsidi menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan mereka. Selain itu juga, tindakan tidak profesional Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) dalam menangani isu imam dengan memecat imam PAS menyebabkan penyokong parti itu memulau masjid kerajaan dan mengerjakan solat secara berasingan (Abdul Razak Ayub, 1985).

Isu ini menjadi kekuatan kepada UMNO untuk menarik sokongan masyarakat Melayu terutamanya di kawasan pedalaman. Isu takfir teretus berikutan tindakan kerajaan yang sering mengenakan pelbagai tekanan dan diskriminasi ke atas penyokong PAS seperti dinafikan hak untuk mendapat tanah, subsidi baja dan ternakan seperti anak lembu dan kambing. Manakala pemimpin PAS yang berkhidmat sebagai kakitangan kerajaan pula dikenakan tindakan ditukar ke tempat yang jauh dari kampung halaman. Ucapan pemimpin UMNO yang menyatakan urusan politik tidak harus dicampuradukan dengan agama telah membuka ruang kepada penyokong-penyokong PAS untuk bertindak melontarkan perkataan kafir kepada penyokong UMNO (Mohamed Salleh Lamry, 1994). Isu takfir iaitu tindakan kafir mengkafir memuncak berikutan pengucapan kontroversi Abdul Hadi Awang pada 7 April 1981 di Banggol Peradong, Kuala Nerus, Terengganu. Selain isu takfir, tahap pembangunan negeri Terengganu yang masih terkebelakang berbanding negeri-negeri di Pantai Barat turut melahirkan pandangan hidup yang konservatif. Masyarakat Melayu Terengganu lebih selesa dengan cara kehidupan tradisional dengan memilih untuk menolak sebarang perubahan. Masyarakat Melayu Terengganu terutamanya masyarakat luar bandar lebih tertarik dengan faktor kestabilan berbanding isu-isu besar yang bersifat nasional. Keputusan PRU tahun 1986 memperlihatkan kemerosotan prestasi PAS berbanding PRU tahun 1982. Daripada 32 kerusi DUN yang ditandingi, PAS hanya berjaya memperolehi dua kerusi DUN berbanding lima kerusi DUN yang diperolehi dalam PRU tahun 1982. Manakala BN pula berjaya memenangi kesemua kerusi Parlimen dan 30 kerusi DUN (Wan Abdul Rahman, 1994). Kekalahan teruk PAS dalam PRU tahun 1986 juga dikatakan berpunca daripada manipulasi media yang dikuasai UMNO yang menjadikan isu Parti Allah sebagai modal kempen. Budaya masyarakat Melayu Terengganu yang masih bersifat konservatif dengan tahap pendidikan yang minima menjadikan pendekatan kempen yang bersifat *simple logic* dan pendekatan *for immediate consumption* yang dilakukan UMNO lebih mudah diterima dan praktikal dalam menarik sokongan rakyat. Budaya pengundi yang bersifat konservatif telah memainkan peranan yang penting dalam menjamin kemenangan UMNO dalam pilihan raya tahun 1986 di Terengganu.

PRU Tahun 1990

Setelah mengalami kemerosotan dalam PRU tahun 1986, PAS mula memperlihatkan kebangkitannya. Kebangkitan PAS dapat dilihat menerusi PRU yang diadakan pada tahun 1990. PRU tahun 1990 merupakan PRU pertama dalam dekad 1990an. Dalam PRU ini, PAS telah membentuk satu kerjasama politik dengan beberapa parti serpihan daripada UMNO dan PAS seperti Parti Melayu Semangat 46, Berjasa, HAMIM yang dikenali sebagai Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Kebangkitan PAS dalam PRU tahun 1990 menerusi kerjasama politiknya dengan beberapa parti serpihan berhasil menumbangkan pemerintahan UMNO di Kelantan dengan kemenangan yang begitu besar apabila berjaya memenangi kesemua 39 kawasan DUN. Daripada 39 kawasan DUN yang dimenangi APU, 24 kerusi DUN dimenangi oleh PAS, manakala calon Parti Semangat Melayu 46 berjaya mendapat 14 kerusi DUN dan bakinya dimenangi oleh calon daripada Parti HAMIM. Sementara itu, di Terengganu APU

berjaya menguasai 10 kerusi DUN. Daripada jumlah kerusi DUN tersebut, lapan daripadanya dimenangi oleh calon PAS manakala bakinya dimenangi oleh calon daripada Parti Melayu Semangat 46. Di peringkat Parlimen pula, APU hanya berjaya memenangi dua kerusi sahaja di mana setiap satunya dimenangi oleh PAS dan Parti Melayu Semangat 46 (Mohd Izani, 2005). UMNO yang agak berantakan akibat perpecahan dalaman sehingga mewujudkan dua kem iaitu Team A dan Team B serta pengharaman UMNO pada tahun 1988 telah menyebabkan UMNO kehilangan penguasaan ke atas Kelantan selain turut kehilangan 10 kerusi DUN di Terengganu. Kemenangan PAS dengan pertambahan kerusi serta kekalahan undi tipis di beberapa kerusi DUN telah membakar semangat dan motivasi ahli-ahli PAS untuk bekerja keras bagi merampas semula negeri Terengganu daripada penguasaan BN sejak tahun 1961 (Riduan Mohd Nor, 2015).


Kebanyakan kerusi yang dimenangi APU dalam PRU tahun 1990 di Terengganu adalah di kawasan-kawasan bandar seperti Kuala Terengganu, Marang, Jertih, Wakaf Mempelam dan Jabi. Hal ini kerana budaya politik masyarakat Melayu di bandar lebih terbuka dan peka terhadap isu-isu semasa yang tercetus dalam persekitaran samada di peringkat tempatan ataupun nasional. Masyarakat Melayu di bandar juga lebih sensitif dengan isu penyelewengan dan ketidakadilan yang berlaku. Selain itu kewujudan banyak kawasan perumahan juga telah mengurangkan pengaruh terhadap UMNO bilamana kebanyakan kemudahan asas yang diterima terpaksa dibayar oleh penduduk. Hal ini menyebabkan kebergantungan penduduk bandar kepada UMNO menjadi semakin berkurang. Namun begitu, fenomena ini tidak berlaku di kawasan-kawasan kampung atau luar bandar yang memperlihatkan kebergantungan yang begitu tinggi kepada UMNO untuk membawa pembangunan. Masyarakat Melayu di pedalaman beranggapan bahawa hanya UMNO sahaja parti yang mampu menyediakan segala kemudahan asas. Justeru itu, isu pembangunan sering mendapat tempat di hati pengundi luar bandar di Terengganu setiap kali menjelang PRU.

PRU Tahun 1995


PRU tahun 1995 merupakan PRU terakhir dalam dekad 1990an sebelum meletusnya reformasi politik di Malaysia. Dalam pilihan raya tahun 1995, prestasi parti oposisi khususnya PAS di Terengganu kembali mengundur ke belakang berbanding keputusan PRU tahun 1990. Meskipun kerjasama PAS dengan Parti Melayu Semangat 46 di dalam APU masih berterusan, namun parti tersebut hanya berjaya memenangi tujuh kerusi DUN sahaja. Walau bagaimanapun kesemua kerusi DUN tersebut dimenangi oleh calon PAS iaitu di Kuala Besut, Hulu Besut, Tepuh, Teluk Pasu, Wakaf Mempelam, Batu Buruk dan Manir. Parti Melayu Semangat 46 pula gagal memenangi sebarang kerusi DUN dalam pilihan raya tahun 1995 di Terengganu. Kegagalan pembangkang iaitu PAS dan Parti Melayu Semangat 46 dalam pilihan raya tahun 1995 juga disebabkan manifestonya yang kurang jelas berbanding pendekatan dilakukan oleh parti UMNO yang lebih realistik dengan mempertaruhkan persoalan berkaitan dengan kehidupan rakyat iaitu pembangunan berteraskan insan dan bercorak ekonomi. Pertumbuhan yang pesat membawa kepada kesejahteraan hidup rakyat.

Ekonomi yang memberangsangkan memberikan kelebihan kepada parti pemerintah dalam PRU. Sekitar tempoh dua PRU iaitu pada tahun 1990 dan 1995, pertumbuhan ekonomi negara sememangnya memberangsangkan. Dalam dua PRU tersebut UMNO-BN menang dengan begitu selesa meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran dan skandal yang melibatkan isu moral, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan ketelusan. Secara kesimpulannya dapatlah dirumuskan bahawa kemenangan UMNO-BN dalam kedua-dua pilihan raya tersebut banyak berhubung kait dengan kejayaan UMNO-BN yang dilihat telah banyak memajukan negara dan

memakmurkan ekonomi rakyat. Dalam situasi ini, pengundi melihat memilih UMNO-BN adalah suatu tindakan yang logik dan rasional (Ghazali Mayudin, 2014). Hal ini dapat dilihat menerusi projek perumahan rakyat di KETENGAH yang telah berjaya disiapkan, Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) serta projek tanaman Rosselle yang turut dijalankan oleh kerajaan negeri melibatkan 67 orang peserta. Justeru itu, rakyat Terengganu melihat usaha meningkatkan taraf kehidupan rakyat adalah lebih utama berbanding manifesto pembangkang iaitu Projek 3T (Tahun Tawan Terengganu) yang lebih tertumpu kepada usaha untuk mendapatkan kuasa politik (Hamdan Aziz, 2015). Rakyat Terengganu masih selesa untuk mengekalkan status quo kepada UMNO walaupun PAS turut menawarkan manifesto yang boleh membantu rakyat seperti mengecualikan pelbagai jenis cukai seperti cukai pintu, menghapuskan bayaran tol di Jambatan Sultan Mahmud serta beberapa tawaran yang berkait rapat dengan kehidupan penduduk.



Hamdan Aziz, 2015. Pilihan Raya Umum Terengganu 1955-2013



Department of Statistics (DOSM), 2025

Justeru itu, dapatlah dirumuskan bahawa pembangunan merupakan faktor utama yang mempengaruhi pembentukan budaya politik Melayu di Terengganu dari tahun 1959 sehingga tahun 1995. Sepanjang pemerintahan UMNO, kadar kemiskinan Negeri Terengganu menurun daripada 15.1 peratus pada tahun 1986 kepada 7.5 peratus pada tahun 1995. Hal ini kerana negeri Terengganu mempunyai tahap pembangunan yang rendah dan rakyat negeri tersebut

masih memerlukan pembangunan. Kejayaan UMNO-BN membawa kemajuan di Terengganu juga menyebabkan masyarakat Melayu Terengganu percaya bahawa hanya UMNO-BN sahaja yang mampu menjamin masa depan mereka. Pembangunan fizikal yang dirancang oleh kerajaan untuk kesejahteraan rakyat menjadi indikator yang dapat memaparkan kemampuan kerajaan menjalankan agenda pembangunan. Prestasi pembangunan tersebut dinilai oleh pengundi dan dijadikan sebagai faktor yang mempengaruhi orientasi politik pengundi dalam pilihan raya. Bagi pengundi, pembangunan yang dapat mengurangkan kemiskinan, pengangguran dan ketidakseimbangan ekonomi akan terus disokong agar aktiviti pembangunan yang diharapkan tidak tergendala. Kegagalan PAS dalam membawa agenda pembangunan ekonomi yang sewajarnya pada tahun 1959 sehingga 1961 menimbulkan banyak persoalan daripada rakyat tentang kemampuan PAS untuk mewujudkan pembangunan sosio ekonomi kepada rakyat Terengganu. Selain itu, sambutan masyarakat Melayu Terengganu terhadap parti politik bukan dominan selain UMNO dan PAS juga adalah kurang menggalakkan. Hal ini dapat dilihat berdasarkan keputusan pilihanraya yang diadakan di Terengganu dari tahun 1959 sehingga tahun 1995. Meskipun parti-parti lain seperti Parti Negara turut terlibat dan memenangi beberapa kerusi dalam pilihan raya di Terengganu, namun sokongan yang diberikan ke atas parti tersebut tidak konsisten sepertimana sokongan yang diberikan kepada parti UMNO dan PAS. Faktor ini banyak didorong oleh tahap pembangunan negeri Terengganu yang perlahan menjadikan pendekatan kempen yang bersifat simple logic dan pendekatan for immediate consumption lebih mudah diterima dan praktikal dalam menarik sokongan rakyat. Budaya tersebut telah memainkan peranan penting dalam menjamin kemenangan UMNO di Terengganu dari tahun 1961 sehingga 1995.

Politik Pembangunan Pasca PRU Ke-10: Dinilai Dan Ditafsir Semula

Terengganu dikuasai oleh UMNO-BN sejak dari tahun 1961. UMNO-BN sering menjadikan politik pembangunan sebagai senjata utama bagi menarik sokongan pengundi dalam PRU. Dalam tempoh tersebut, politik pembangunan dilihat berjaya dalam memberikan kemenangan kepada UMNO-BN dalam PRU. Namun begitu, politik pembangunan dan kemajuan ekonomi yang dipacu oleh UMNO-BN tidak menjamin kesejahteraan rakyat apabila perasaan tertindas, ketidakpuasan dan rasa keterpinggiran masih wujud di kalangan rakyat. Meskipun UMNO-BN mentadbir Terengganu sejak tahun 1961, namun keberkesanan pentadbiran UMNO-BN memimpin negeri dilihat agak perlahan. Tidak ada program yang dilihat benar-benar berkesan untuk mengubah tahap sosioekonomi rakyat Terengganu. Program pembangunan berskala besar yang mampu mencipta kesan pengganda kepada ekonomi negeri juga dilihat agak kurang. Politik pembangunan pasca PRU ke-10 telah dinilai dan ditafsir semula oleh masyarakat Melayu Terengganu (Hasbie, 2019). Kehangatan krisis politik yang berlaku pada tahun 1999 menyaksikan UMNO akhirnya kehilangan Terengganu kepada PAS yang menang besar dengan memperolehi 28 kerusi DUN serta 7 kerusi parlimen manakala satu kerusi parlimen turut dimenangi oleh PKR di Kemaman. Keputusan tersebut merupakan antara pencapaian terburuk yang pernah dihadapi oleh UMNO-BN sepanjang sejarah penyertaan parti tersebut dalam PRU di Terengganu (Hamdan Aziz, 2015).

Atas kekalahan tersebut UMNO-BN bekerja keras untuk menawan kembali Terengganu dengan mengganggu pentadbiran kerajaan negeri seperti menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan Dan Kemajuan Kampung (JKKK) bagi mengetepikan pentadbiran di peringkat kampung iaitu Jawatankuasa Syura Rakyat (JSR) yang ditubuhkan oleh kerajaan PAS Terengganu (Riduan Mohd Nor, 2015). Kemenangan PAS membawa kepada hilangnya status quo UMNO-BN serta bertukarnya kerusi Menteri Besar kepada PAS. Berdasarkan manifesto PRU, Kerajaan negeri Terengganu pimpinan PAS serta merta menghapuskan cukai pintu serta bayaran tol di Jambatan

Sultan Mahmud. Memenangi negeri Terengganu merupakan peluang terbaik PAS untuk merakyatkan pendidikan Islam kepada rakyat Terengganu di samping terus memperkasakan institusi sedia ada yang dibina oleh PAS Terengganu dipelbagai peringkat organisasi parti tersebut. Kesungguhan kerajaan Terengganu di bawah PAS memartabatkan pendidikan Islam di kalangan rakyat terbukti menerusi penubuhan beberapa institusi pendidikan Islam seperti Kolej Islam Sains Terengganu (KIST), Kolej Sains dan Teknologi Al-Quran (KOSTAQ) dan Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB).

KIST dan KOSTAQ berada di bawah pentadbiran Yayasan Terengganu yang merupakan sebuah yayasan kerajaan negeri yang bertanggungjawab memperkukuhkan pendidikan rakyat Terengganu. Pelajar yang mendapat keputusan cemerlang di dalam pelajaran namun tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP) atau Sekolah Premier akan ditempatkan di institusi tersebut. KIST diwujudkan untuk memanfaatkan kompleks pendidikan Yayasan Terengganu Kuala Berang yang dikosongkan manakala KOSTAQ pula ditempatkan di Maktab Rendah Sains Mara Yayasan Terengganu yang dihentikan operasinya oleh pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) di Besut dan Dungun. Manakala SRAB pula dikelolakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) yang ditubuhkan disemua daerah di Terengganu. Selain memperkasakan sistem pendidikan Islam kerajaan PAS Terengganu terlebih dahulu menghapuskan Tol di atas Jambatan Sultan Mahmud. Isu tol telah diperjuangkan oleh parti PAS dengan begitu lantang. PAS melihat UMNO-BN sebagai tidak menjiwai kesengsaraan rakyat bawahan menerusi kutipan tol. PAS telah melunaskan janjinya untuk menghapuskan tol sebaik sahaja mengambilalih pemerintahan di Terengganu. Kadar tol berjumlah RM 0.50 sen telah diberhentikan serta merta sehingga menyebabkan kerajaan PAS Terengganu kehilangan pendapatan sehingga RM4.5 juta setahun. Tindakan kerajaan negeri tersebut dilihat sebagai satu bentuk mengurangkan beban perbelanjaan rakyat meski kerajaan negeri terpaksa menanggung beban kewangan tersebut (Riduan Mohamad Nor, 2015).

Tidak dinafikan pentadbiran UMNO-BN mempunyai rekod yang baik dalam mengawal keamanan, ketuanan Melayu dan juga kedudukan bukan Melayu. Justeru dengan bertopengkan kontrak sosial tersebut, rakyat hidup secara aman tanpa rusuhan dan pertentangan. Hal ini menjadikan hagemoni pemerintah bertambah kuat dengan melekakan pengikut-pengikutnya untuk terus memberikan sokongan dan taat setia kepada pemerintah. Walaubagaimanapun, rekod pemerintah mula dipersoalkan seperti yang ditunjukkan menerusi keputusan-keputusan pasca PRU ke-10. UMNO-BN menerima pelbagai tuduhan rasuah, korup dan tidak adil sepanjang beberapa dekad pemerintahan samada daripada parti oposisi dan juga NGO. Meskipun pembangunan tetap wujud namun beberapa kelemahan tersebut menyebabkan rakyat mulai menolak UMNO-BN. Pemerintah sering melaungkan bahawa keamanan dan kestabilan melambangkan kemajuan ekonomi yang dipacu oleh UMNO-BN.

PRU Tahun 2004

Meskipun pelbagai pembaharuan pentadbiran dilakukan oleh kerajaan PAS Terengganu banyak bersangkut dengan nilai-nilai keIslaman, namun dalam PRU ke-11 UMNO-BN telah berjaya merampas kembali Terengganu daripada PAS. Keputusan PRU tahun 2004 menjadikan politik baru seakan-akan berubah memihak kepada UMNO-BN. Di bawah pimpinan Abdullah Ahmad Badawi, UMNO-BN cuba menonjolkan politik baru sebagai praktik dan bukannya retorik. UMNO-BN cuba membawa perubahan politik menerusi modus operandinya dengan memerangi rasuah, pembatalan projek-projek mega, pertautan dengan masyarakat sivil serta pengukuhan institusi-institusi demokratik. Abdullah Ahmad Badawi dilihat sebagai simbol baru politik negara. Pengundi Melayu yang sebelum ini terpecah menyokong BA dalam PRU

ke-10 kembali menyokong UMNO-BN dalam PRU ke-11. Selepas tewas di Terengganu dalam PRU ke-10, UMNO-BN menggandakan pelbagai usaha dengan memberikan penekanan kepada aspek pembangunan. Tawaran pembangunan dan perubahan oleh UMNO itu disimpulkan dalam ucapan Abdullah Ahmad Badawi pada lawatan kempenya ke Terengganu pada 18 Mac 2004 dengan mengatakan bahawa:

“...kalau rakyat menyokong kita dan memberi sokongan yang kuat untuk menubuhkan kerajaan, insya-Allah, kita akan bawa perubahan yang tuan-tuan tidak pernah lihat berlaku di Terengganu...insya-Allah selepas pilihan raya ini, kita akan berada dalam situasi lebih baik yang membawa kemakmuran, kestabilan, keamanan dan pembangunan lebih hebat lagi...”

Kenyataan tersebut ternyata berjaya memenangi pemikiran orang Melayu dengan janji-janji pembangunan luar biasa yang ingin dibawa ke Terengganu yang disulami dengan visi baru Islam menggantikan dasar PAS. Terengganu telah dijadikan lokasi peluncuran konsep Islam Hadhari. Dalam arena politik tempatan, Islam Hadhari bertujuan mencabar konsep Islam dibawa oleh PAS yang berulang kali mahu menegakkan negara Islam. Islam Hadhari dijadikan sumber bagi mewakili pandangan Islam dan juga menyediakan alternatif yang teruji kepada umat Islam dan juga bukan Islam. UMNO telah membentuk tempat rujukan Islam Hadhari dan hal ehwal kebajikan di peringkat negeri dengan moto “Islam Hadhari Terengganu Bestari” bagi menyaingi moto “Membangun Bersama Islam” yang digunakan oleh PAS sebelumnya.

Penolakan rakyat terhadap kerajaan PAS Terengganu pada tahun 2004 juga berpunca daripada kegagalan PAS menarik pelaburan swasta bagi merangsang pertumbuhan ekonomi sekaligus pertumbuhan ekonomi negeri tidak menunjukkan satu angka yang boleh dibanggakan. Selain projek-projek besar PETRONAS yang telah siap, tidak terdapat sebarang penubuhan projek-projek berasaskan petroleum dan gas yang baru di negeri Terengganu. Pelaburan besar yang disalurkan oleh UMNO-BN ke negeri Terengganu pada tahun 2004 adalah bertujuan untuk memperkuat sokongan dan penguasaan UMNO-BN. Sebagai tambahan kepada itu, sebuah taman tema berkonsepkan Islam turut dibina di Kuala Terengganu yang dikenali sebagai Taman Tamadun Islam bertujuan untuk menunjukkan pencapaian ketamadunan Islam dengan membina pelbagai model masjid mini yang terdapat di seluruh dunia. Selain itu Tadika Islam al-Hadhari turut dibina bertujuan untuk mendidik kanak-kanak mengenai konsep Islam Hadhari (Welsh, B. & James Chin, 2014). Ternyata janji-janji kerajaan untuk membawa pembangunan yang luar biasa ke Terengganu seperti yang dilaungkan oleh Abdullah Ahmad Badawi berjaya meraih sokongan yang begitu menakjubkan sehingga menterbalikkan keputusan PRU tahun 1999.

PRU Tahun 2008

Keputusan PRU tahun 2008 menyaksikan UMNO-BN terus kekal menerajui pentadbiran negeri Terengganu. Pengundi Melayu di Terengganu terus yakin memberikan sokongan kepada UMNO-BN lebih-lebih lagi apabila melihat Terengganu membangun dengan pesat dan dilimpahi dengan pelbagai projek besar yang berprestij sekaligus muncul sebagai negeri paling membangun di Pantai Timur berbanding Pahang dan Kelantan sejak UMNO-BN menguasai semula pemerintahan negeri Terengganu. Kerajaan Persekutuan juga bersetuju meluluskan semula royalti minyak berbillion ringgit kepada kerajaan negeri yang kadar kemiskinannya masih tinggi bagi merancang berbagai projek pembangunan untuk faedah rakyatnya. Kerajaan Persekutuan juga telah menyampaikan cek pertama bayaran royalti petroleum bernilai RM408.6 juta pada 12 Disember tahun 2008. Bayaran selebihnya disalurkan terus ke Akaun

Bank Kerajaan Negeri. Meskipun UMNO-BN berjaya mengekalkan kuasa di Terengganu dalam PRU tahun 2008 namun sokongan pengundi Melayu terhadap parti tersebut telah berubah. Jumlah kerusi yang dimenangi UMNO-BN semakin menurun daripada 28 kerusi DUN pada PRU tahun 2004 kepada 24 kerusi DUN pada PRU tahun 2008. Pentadbiran UMNO-BN turut menghadapi pelbagai krisis berhubung perlantikan Menteri Besarnya dan juga hubungannya dengan pihak istana. Idris Jusoh yang memenangi DUN Jertih tidak dapat mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar di hadapan Sultan Terengganu kerana tidak mendapat perkenan daripada sultan. Idris Jusoh dikatakan tidak mendapat sokongan padu daripada ketua-ketua bahagian walaupun mendapat surat watak perlantikan daripada Perdana Menteri. Akhirnya Ahmad Said selaku ADUN Kijal telah dilantik menjadi Menteri Besar Terengganu. Peristiwa ini berhubungkait dengan protes daripada wakil-wakil rakyat yang digugurkan dalam PRU ke-12. Golongan yang tidak berpuas hati dengan Idris Jusoh sudah lama memendam rasa terhadap gaya kepimpinannya sebelum PRU ke-12. Antara isu yang tidak dipersetujui oleh rakyat ialah projek Taman Tamadun Islam, isu Kolej KUSZA yang diserahkan kepada kerajaan pusat untuk digabungkan dengan Universiti Darul Iman (UDM) serta isu Menteri Besar yang mementingkan kroni dan keluarga beliau dalam soal pembahagian projek-projek pembangunan. Selain itu isu royalti petroleum yang dikatakan ada beberapa peratus lagi tidak sampai kepada kerajaan Terengganu turut sampai ke pengetahuan pihak istana. Isu-isu tersebut dilihat sebagai satu bentuk penderhakaan oleh Idris Jusoh kepada rakyat Terengganu (Ahmad Atory Hussain, 2009).

PRU Tahun 2013

Keputusan PRU ke-13 di Terengganu menyaksikan UMNO-BN sekali lagi hampir tewas di Terengganu setelah gagal mendapat majoriti dua pertiga di DUN. Dalam PRU ke-13 jentera PAS Terengganu lebih bergerak di peringkat tempatan berbanding usaha PAS Pusat untuk melebarkan kemenangannya secara berskala besar. Namun begitu, keputusan PRU ke-13 menunjukkan bahawa pengundi Melayu Terengganu masih bersama PR. Meskipun PAS Terengganu dilihat tidak begitu mesra kepada PR dan sering mengambil pendekatan yang menyimpang daripada strategi yang diambil oleh PAS di negeri lain di seluruh negara, namun hakikatnya hampir semua faktor yang menjurus kepada transformasi politik di seluruh negara turut terserlah dan wujud di Terengganu khususnya fenomena kebangkitan anak muda dan penguasaan media baru oleh masyarakat Melayu di Terengganu (Junaidi & Mazlan Ali, 2016). Politik di Terengganu tidak lagi memperlihatkan penguasaan UMNO-BN secara total. Pada PRU ke-13, UMNO-BN sekali lagi hampir tewas apabila sekadar meraih 17 daripada 32 kerusi DUN yang dipertandingkan sekaligus hilang majoriti dua pertiga kerusi buat kali kedua dalam tempoh yang begitu singkat melibatkan empat PRU yang terakhir. Meskipun UMNO-BN masih kekal menerajui kerajaan dan pentadbiran di Terengganu, namun sokongan yang ditunjukkan oleh pengundi khususnya orang Melayu terhadap parti tersebut semakin longgar. Meskipun pembangunan ekonomi negeri Terengganu masih berada di tahap yang rendah, namun demokrasinya dilihat begitu subur.

Pihak kerajaan seringkali memaparkan jasa serta kejayaan dalam membantu dan memajukan Terengganu seperti menyumbangkan atap baru kepada penduduk, subsidi kerajaan terhadap beberapa barangan keperluan harian, pembinaan rumah PPRT dan pemberian komputer riba kepada murid sekolah rendah di seluruh Terengganu. Walau bagaimanapun disebalik jasa dan usaha tersebut, rakyat Terengganu tidak mendapat sebarang faedah daripada projek-projek yang lebih besar seperti Penganjuran Kejohan Perahu Layar Piala Monsun, Pembinaan Taman Tamadun Islam dan Masjid Kristal. Justeru itu, ketidakadilan dalam agihan pembangunan

tersebut menyebabkan pengundi bertindak memberikan sokongan kepada parti oposisi khususnya PAS (Amer Saifude, *et.al* 2010).

Masyarakat Melayu kini dilihat begitu kritikal terhadap apa jua persoalan yang berkait rapat dengan kepentingan dan kelangsungan hidup mereka dalam konteks pembangunan ekonomi. Minda masyarakat Melayu tidak lagi terbelenggu di bawah konsep minda feudal yang dikatakan menunjangi kuat pandang dunia mereka selama ini. Keputusan pasca PRU ke-10 jelas menampakkan anjakan transformasi ke atas budaya politik Melayu dengan begitu menggalakkan. Pengaruh teknologi maklumat telah memberikan suatu dorongan kepada perubahan minda Melayu untuk menjadi lebih berani, progresif dan kompetitif. Budaya politik baru menjadi era baru di dalam politik Melayu. Unsur seperti ketelusan, akauntibiliti, anti korupsi dan keadilan menjadi nilai baru dalam budaya politik Melayu seperti yang diharapkan di dalam sebuah negara demokratik. Secara tidak langsung budaya politik dan pemikiran masyarakat Melayu juga turut berubah. Transformasi budaya politik Melayu juga memberi impak terhadap pembangunan dan tadbir urus negara. Masyarakat Melayu Terengganu juga semakin berani untuk mengkritik dasar-dasar kerajaan secara terbuka. Transformasi budaya politik Melayu juga menyebabkan UMNO-BN terpaksa membuat perubahan struktur terhadap pendekatan mentadbir urus parti dan negara (Nidzam & Zaini, 2012).

PRU Tahun 2018

PAS sekali lagi berjaya merampas tampuk pemerintahan Terengganu dalam PRU ke-14 dengan menguasai 22 daripada 32 DUN selepas kali terakhir melakukannya pada PRU tahun 1999. Meskipun banyak pembangunan telahpun dicapai di Terengganu di bawah pentadbiran UMNO-BN, namun beberapa isu yang melibatkan projek mega di bawah pentadbiran kerajaan terdahulu yang terbengkalai seperti Projek Taman Ilmu, Pusat Bebas Cukai Kenyir dan runtuh Stadium Sultan Zainal Abidin membangkitkan kekecewaan kepada rakyat sehingga digelar sebagai Terengganu Darul Runtuh. Janji PAS sebelum PRU ke-14 untuk meneruskan semua projek peninggalan UMNO-BN termasuklah pembangunan semula Bandar Kuala Terengganu yang merangkumi pembinaan Drawbridge, Menara MBKT, pusat perniagaan begitu mengujakan rakyat. PAS juga menyatakan komitmennya untuk bekerjasama dengan semua pihak tanpa mengira kepentingan politik. Hal ini ternyata berjaya menarik sokongan pengundi terhadap PAS. Rakyat Terengganu begitu mengharapkan pembanguan sewajarnya dibawa ke negeri tersebut mengikut lunas-lunas keadilan serta pembangunan yang mampu memberi impak ekonomi kepada penduduk tempatan. Selain janji untuk membangunkan semula Terengganu, PAS juga begitu komited dengan manifestonya untuk mengembalikan royalti petroleum kepada kerajaan Terengganu. PAS Terengganu pasca tahun 1999 dilihat lebih dinamik dan progresif. Adunan agamawan dan golongan profesional di pihak PAS menjadikan UMNO-BN ketandusan modal untuk menyerang PAS sebagai parti yang akan gagal membawa pembangunan sekiranya diberikan mandat untuk memerintah. Selain itu, janji Pakatan Harapan (PH) untuk mengembalikan semangat federalisme di antara kerajaan negeri dan pusat sekiranya diberikan mandat memerintah juga berjaya menggoyahkan sokongan pengundi sehingga membawa kepada runtuhnya dominasi UMNO-BN di Terengganu dalam pilihan raya tahun 2018.


PRN Tahun 2023

PRN yang diadakan pada tahun 2023 melibatkan Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan, Selangor, Pulau Pinang dan Kedah merupakan satu petunjuk yang penting bagi melihat impak PRU ke-15 yang diadakan pada tahun 2022 terhadap parti politik dalam Kerajaan Perpaduan iaitu Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) serta parti politik dari Sabah dan


Sarawak selain menilai sekiranya wujud pola politik baharu terhadap corak sokongan pengundi terhadap Perikatan Nasional (PN). Bagaimanapun, keputusan PRN 2023 menunjukkan bahawa PH dan PN masing-masing kekal menguasai negeri yang dimenangi pada PRU ke-14 yang lalu. Bagaimanapun negeri yang dikuasai PH dilihat berlaku penyusutan kerusi yang agak ketara khususnya di Pulau Pinang dan Selangor terutamanya kawasan majoriti Melayu di luar bandar. Menariknya dalam PRN tahun 2023, PAS berjaya melakar sejarah gemilang apabila berjaya memenangi kesemua 32 kerusi DUN yang dipertandingkan di Terengganu (Junaidi, Zaini, Novel & AAjirah Hanim, 2023).

Keputusan tersebut juga didorong oleh referendum ahli UMNO terhadap parti UMNO yang merupakan sekutu utama PH-BN dalam Kerajaan Perpaduan. Antara faktor lain juga, PAS dilihat berjaya mendapatkan sokongan luar biasa daripada pengundi muda yang inginkan pemimpin dan parti politik yang bersih dari rasuah dan penyelewengan. Tagline Bersih dan Stabil (BEST) serta naratif Melayu-Islam yang sering diulang-ulang menjadi antara faktor paling berkesan yang membawa kepada kemenangan luar biasa PAS dalam PRN 2023 khususnya di Terengganu. Dalam konteks politik Terengganu, kekuatan PAS dan UMNO khususnya pasca PRU ke-10 adalah seimbang. Kedua-dua parti mampu memperolehi undi popular yang hampir seimbang di kebanyakan PRU bermula PRU tahun 1999 sehingga PRN tahun 2023. PAS dan UMNO secara seimbang membentuk kerajaan di Terengganu. Keputusan tersebut banyak bergantung kepada sokongan pengundi atas pagar sekaligus menjadikan pola pengundian di Terengganu sebagai sesuatu yang sukar untuk diramal. Dalam PRU tahun 2022 ayunan pengundi di Terengganu kepada PAS bersifat hampir pukal apabila PAS menyapu bersih kesemua lapan kerusi Parlimen. Kejayaan PAS mendapatkan 70 peratus undi popular dalam dua PRU secara berturut-turut menjadikan Terengganu sebagai satu-satunya negeri tanpa pembangkang (Faris Akmal, Wan Rohila & Che Hamdan, 2024). Keberkesanan rakyat mengawal tindak-tanduk kerajaan adalah faktor yang menentukan darjah atau tahap demokrasi dalam sistem politik.

Bagi masyarakat Terengganu, unsur seperti kemajuan dan keselesaan yang selama ini menjadi wadah paling berkesan UMNO-BN menarik sokongan pengundi dalam PRU telah mendapat penafsiran yang baru dan terdapat syarat-syarat tertentu yang harus diteliti. Sokongan kepada sesebuah parti politik tidak lagi diberikan secara semberono. Pembangunan negeri masih menjadi asas budaya politik di Terengganu namun pembangunan tersebut mestilah tidak membawa kepada pengabaian nilai-nilai yang mejadi aspirasi pengundi. Setiap parti politik yang bertanding dalam PRU di Terengganu haruslah bebas daripada sebarang gejala-gejala yang negatif. Pengundi di Terengganu tidak menolak idea-idea pembangunan yang dibawa oleh UMNO-BN tetapi pengundi lebih suka melihat bagaimana isu-isu pembangunan negeri dibahas secara rasional. Pengulangan isu pembangunan yang dilakukan oleh UMNO-BN secara berterusan di media arus perdana dilihat sebagai keterlaluan. Keterlibatan masyarakat tempatan dalam projek pembangunan yang dirancang oleh kerajaan sangat rendah serta tidak memberikan manfaat ekonomi kepada masyarakat tempatan. Penolakan terhadap UMNO-BN di Terengganu secara total juga berkait dengan protes terhadap parti tersebut yang banyak melakukan projek yang kurang memberikan impak ekonomi secara langsung kepada pembangunan sosio ekonomi masyarakat setempat. Tambahan lagi kerjasama UMNO-PH juga turut menyumbang kepada kekalahan tersebut.



Ilyas, Jamaie & Sity Daud, 2012. Transformasi Budaya Politik Melayu Terengganu



Department of Statistics (DOSM), 2025

Dari sudut perlembagaan, masyarakat Terengganu pasca PRU ke-10 lebih terbuka dan faham khususnya perihal yang bersangkutan dengan persoalan kestabilan dan pembangunan. UMNO selama ini sering mewujudkan elemen kerisauan di kalangan masyarakat bahawa pembangunan dan kestabilan negeri akan terhenti sekiranya UMNO kehilangan kuasa pemerintahan. Walau bagaimanapun, suara kerisauan itu ditafsirkan semula secara lebih rasional berdasarkan fakta dan pengetahuan politik. Justeru itu, masyarakat Terengganu melihat kestabilan dan pembangunan tetap tidak terjejas dengan pertukaran kerajaan negeri. Hal ini memberikan kebebasan kepada masyarakat Terengganu untuk menukar kerajaan. Mana-mana parti politik yang membentuk kerajaan di peringkat Persekutuan tidak dapat lari daripada bertindak dan mengurus negara berasaskan kepada apa yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Meskipun Terengganu dikuasai PAS pada tahun 1999, 2018 dan 2023, kadar kemiskinan dilihat tetap menunjukkan trend penurunan daripada 4.9 peratus pada tahun 1999 kepada 0.2 peratus pada tahun 2023. Projek-projek Kerajaan Persekutuan juga turut rancak berlaku di Terengganu melibatkan naik taraf Jambatan Marang, pembinaan Hospital Dungun, MRSM Dungun, naik taraf Pasar Besar Kedai Payang dan pelebaran jalan sejauh 200 kilometer, projek tebatan banjir serta pemuliharaan muara sungai Terengganu. Selain itu, projek-projek

pembangunan yang telah dirancang oleh Kerajaan Persekutuan menerusi Koridor Pembangunan *East Coast Economic Region* (ECER) tetap berjalan seperti dirancang.

Kesimpulan

Justeru itu, dapatlah dirumuskan bahawa isu pembangunan merupakan faktor utama yang mempengaruhi penilaian pengundi ketika membuat pilihan tentang parti mana yang harus diberikan sokongan dalam PRU. Kegagalan pemerintah untuk membawa pembangunan yang sewajarnya mampu menyebabkan pengundi beralih dengan memberikan sokongan kepada parti oposisi seperti yang berlaku dalam PRU ke-10 di Terengganu. Selain itu, budaya politik baru juga turut mula berkembang dan diterima dalam politik di Terengganu. Dalam sistem pemerintahan demokrasi, rakyat berhak untuk bereksperimen dengan membuat pilihan pemimpin dan parti mana yang akan menjadi pemerintah. Hak tersebut juga merupakan aspek penting yang membezakan sistem demokrasi dengan sistem politik Melayu tradisional yang bersifat feodal dan tidak demokratik. Rumusannya, budaya politik Melayu Terengganu telah melalui satu proses transformasi yang dinamik. Pembangunan masih lagi relevan dalam mempengaruhi pembentukan budaya politik Melayu Terengganu. Walau bagaimanapun, pembangunan telah mendapat penafsiran yang baru dalam budaya politik Melayu di Terengganu pasca PRU ke-10 selari dengan idea yang diperjuangkan dalam budaya politik baru. Hal ini menjelaskan bahawa masyarakat Melayu Terengganu tidak lagi hanya mementingkan nilai-nilai yang berkait dengan pembangunan material semata-mata malahan telah mengambil satu nilai yang baru selaras dengan perkembangan politik semasa tanpa meninggalkan nilai yang sedia ada.

Rujukan

- Abdul Rashid Moten, 2008. *Government and Politics in Malaysia*. Singapore: Cengage Learning Asia Pte. Ltd.
- Abdul Razak Ayub, 1985. *Perpecahan Bangsa Melayu*. Shah Alam: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdul Latiff Mohd Ibrahim, 2004. *Budaya Politik Melayu Bandar: Kajian Kes Di Shah Alam: Tesis Ijazah Doktor Falsafah*. Fakulti Sastera & Sains Sosial: Universiti Malaya.
- Ahmad Atory Hussain, 2009. *Politik Melayu Di Persimpangan: Suatu Analisis Pilihan Raya Umum 2008*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Alias Mohamed, 1984. *Kelantan Di Bawah PAS: Masalah Tanah Dan Rasuah*. Kuala Lumpur: Insular Publishing House Sdn.Bhd.
- Amer Saifude Ghazali, Mohammad Redzuan & Zulkarnain Abdul Rahman, 2010. Pengundi Muda dan Pilihan Raya Kecil Parlimen: Tumpuan Kepada Pilihan Raya Kecil Parlimen Permatang Pauh, Kuala Terengganu dan Bukit Gantang. *Sarjana*, Vol. 25 (1).
- Azmah Abdul Manaf, 2013. Perkembangan Politik Dan Kesannya Ke Atas Pembangunan Ekonomi Terengganu, Antara Tahun 1955 Hingga 1969. Universiti Kebangsaan Malaysia: *JEBAT*, Vol. 40 (1).
- Department of Statistics, 2025. Kadar Kemiskinan Mengikut Negeri.
- Faris Akmal, Wan Rohila Ganti & Che Hamdan, 2024. Aktivisme Politik Berintensiti Tinggi: Kajian Kes PAS Terengganu Pada PRU 15. *Asian People Journal*, Vol. 7 (2).
- Ghazali Mayudin, 2014. *Demokrasi Dan Pilihan Raya Di Malaysia*. Dlm. Ghazali Mahayudin, Jamaie Hamil, Sity Daud dan Zaini Othman (pnyt). *Demokrasi Kepimpinan & Keselamatan Dalam Politik Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Hamdan Aziz, 2015. *Pilihan Raya Umum Terengganu 1955-2013*. Kuala Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu.

- Haziana Yaacob, 2000. *Sejarah Perkembangan Parti PAS dan UMNO Di Parlimen Kemaman, Terengganu: Pengaruh Dan Kesannya Ke Atas Masyarakat 1990-1999*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya.
- Ilyas, Jamaie & Sity Daud, 2021. *Transformasi Budaya Politik Melayu Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Said, 1969. *Menegak Agama Membela Bangsa: Perjuangan PAS 1951- 1970*. Kuala Lumpur: Unit Buku Harakah.
- Junaidi Awang Besar, Zaini Othman, Novel Lyndon & Ajirah Hanim, 2023. Umum (PRU) Negeri Di Malaysia 2023: Satu Analisis Geografikal Dan Sosiologikal. *International Journal of Law, Government Communication (IJLGC)*, vol. 8 (34). Kajian Kes PAS Terengganu Pada PRU15. *Asian People Journal*, vol. 7 (2). Universiti Sultan Zainal Abidin: Penerbit UniSZA.
- Mazli & Jamaie, 2018. Neofeudal UMNO: Politik dan pembangunan luar bandar. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Mohamad Abu Bakar, 2013. Petroleum, Religion and the 1982 State Election. *Malaysian Journal of Democracy and Election Studies*, Vol. 1 (1).
- Mohamed Salleh Lamry, 1994. *Konflik Politik UMNO dan PAS: Kajian Kes di Daerah Besut Terengganu*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Mohd Dzaki Jusoh, 1976. *Sejarah Kerajaan PAS Terengganu 1959-1961*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Hasbie Muda, 2014. *PAS dan Pilihan Raya: Analisis Pencapaian Parti Islam SeMalaysia Dalam Pilihan Raya Umum (1959-2013)*. Petaling Jaya: Megamind Leadership Consultancy.
- Ness, G.D., 1969. *Bureaucracy and Rural Development in Malaysia*. Berkeley: University of California Press.
- Nidzam Sulaiman & Zaini Othman, 2005. Pembangunan Politik Malaysia: Menjejak Perubahan Budaya Politik Melayu. Dlm. Junaenah, Norazizan, Nik Hairi & Mohd Yusof (pnyt). *Masyarakat Perubahan Dan Pembangunan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Riduan Mohammad Nor, 2015. *Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang: Murabbi, Ideologue, Pemimpin*. Kuala Lumpur: JUNDI Resources.
- Russli Kamarudin, 1995. Perkembangan Politik PAS di Kelantan: Satu Tinjauan. Dlm. Mohd Agus Yusoff (pnyt). *Perkembangan dan Perubahan Sosio-Politik Kelantan 1955-1995*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Abdul Rahman Latiff, 1986. *Pilihan Raya 1986: Satu Kajian Kes di Terengganu*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Wan Hashim Wan Teh, 1997. *Tamadun Silam Dalam Pembinaan Tamadun Abad Ke Dua Puluh Satu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Mokhtar Ahmad, 2008. *Muzakkirah Sebuah Autobiografi Suku Abad Menerajui Kerajaan Terengganu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Welsh, B., & James Chin, 2014. *Bangkit: Tempoh Pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi*. Petaling Jaya: SIRD Centre.
- Zainal Abidin Wahid, 1971. *Sejarah Malaysia Sa-Pintas Lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.